

**KAJIAN TEMATIK KONSEP MAKANAN BERASASKAN
TUMBUHAN DALAM AYAT 99 SURAH AL-AN'AM
BERDASARKAN KITAB *TAFSĪR MAFĀTĪHUL GHAYB***

**A THEMATIC STUDY OF THE CONCEPT OF PLANT-
BASED FOOD IN VERSE 99 OF SURAH AL-AN'AM
BASED ON *TAFSĪR MAFĀTĪHUL GHAYB***

Nurul Saadah Mohammad Zaini

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Malaysia.
E-mail: saadahzaini98@gmail.com

Robiatul Adawiyah Mohd

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Malaysia.
E-mail: adawiyah@usim.edu.my

ABSTRAK

Manusia memerlukan makanan bagi kelangsungan hidup. Antara sumber makanan manusia ialah tumbuhan. Konsep tumbuhan dikupas berdasarkan al-Quran dalam pelbagai tema yang menarik untuk dikaji, namun masih terdapat ruang kajian bagi topik ini. Antaranya kajian konsep makanan berasaskan tumbuhan berdasarkan tafsiran Imam al-Razi dalam tafsirnya *Mafātīhul Ghayb*. Pemilihan *tafsīr* ini adalah kerana ia mengemblengkan aspek naqli dan aqli yang dapat dimanfaatkan dalam kajian ilmiah hari ini, khususnya dalam bidang sains pemakanan dan perubatan. Justeru, kajian ini akan menganalisis ayat 99 surah al-An'ām berdasarkan *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*. *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* dilihat sebagai satu rujukan yang relevan dalam usaha untuk mengkaji sumber nabati dalam makanan menurut al-Quran. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis tematik terhadap surah al-An'ām ayat 99. Hasil kajian menunjukkan bahawa ayat ini menceritakan tentang konsep makanan berasaskan tumbuhan dengan merangkumi enam tema iaitu tumbuhan berasal daripada air, elemen kehijauan tumbuhan, hierarki makanan berasaskan tumbuhan, kategori tumbuhan, fasa kematangan buah-buahan dan bukti kekuasaan Allah SWT Pencipta alam tumbuhan.

Kata Kunci: Makanan, Tumbuhan, *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*

ABSTRACT

Humans require food to survive. Plants are one of the sources of human food. The concept of plants based on the Quran is explored in various interesting themes, but there is still room for research on this topic, such as the study about the concept of plant-based food based on Imam Al-Razi in *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*. This *tafsīr* was chosen because it broadens the naqli and aqli aspects that can be used in modern scientific studies, particularly in the fields of nutritional science and medicine. Thus, based on *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*, this study will examine verse 99 of surah al-An'am. *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* is regarded as a useful reference in the study of plant sources in the food according to the Quran. This qualitative study used the content analysis method and thematic analysis on surah al-An'am verse 99. According to the study's findings, this verse describes the concept of plant-based food by incorporating six themes: plants come from water, green elements of plants, the hierarchy of plant-based food, plant category, fruit ripening phase, and Allah SWT as the Creator of plants.

Keywords: Food, Plants, *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*

1. PENGENALAN

Tumbuhan dalam al-Quran

Menurut Syukri Ibrahim dalam bukunya *Al-Nabatat Al-Zuhriyah*, tumbuhan secara umumnya didefinisikan sebagai semua perkara yang keluar daripada bumi(tanah) untuk tujuan makanan, rawatan atau hiasan¹. Dalam al-Quran, terdapat pelbagai makna tumbuhan yang difahami berdasarkan ayat-ayat yang membincangkan perihal tumbuhan. Berdasarkan kajian Jawahir Muhammad dalam kajian PhD bertajuk *Al-Nabat Fi Dhau' al-Quran wa al-Sunnah an-Nabawiyah al-Mutahharah*, beliau mendapati terdapat sebelas makna tumbuhan berdasarkan ayat-ayat dalam al-Quran. Antara makna-makna tumbuhan dalam al-Quran ialah²: (1) Sesuatu yang keluar daripada perut bumi. (2) Sesuatu yang membantu dalam menerangkan tentang sesuatu penciptaan daripada tiada kepada ada. (3) Sesuatu yang membantu dalam menerangkan tentang sesuatu pertumbuhan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain. (4) Semua tumbuh-tumbuhan yang tumbuh daripada bumi sama ada yang berdahan tinggi dan kuat atau berdahan rendah dan lemah, yang lembut atau yang nipis, yang tinggi daripada tanah atau yang menjalar di atas tanah seperti labu dan tembikai. (5) Semua jenis tumbuhan yang tumbuh seperti pokok, rerumput, bijirin dan buah-buahan. (6) Sesuatu perkara yang diperoleh manusia selepas kesusahan dan keletihan untuk

¹ Syukri Ibrahim Saud (2010). *Al-Nabatat Al-Zuhriyah (Nasya'tuha, Tatawwuriha, Tashniftha)*. Dar al-Fikr al-Arabiyy, 2.

² Jawahir Muhammad Surur Saad (1988). *Al-Nabat Fi Dhau' al-Quran wa al-Sunnah an-Nabawiyah al-Mutahharah*. PhD Tesis, 30.

menanam, bertani dan bercucuk tanam. (7) Membawa makna penanaman, pertanian dan perladangan. (8) Tumbuhan yang merangkumi segala yang kekal seperti asal selepas dituai atau yang tidak kekal dan ditanam semula setiap tahun selepas dituai. (9) Sesuatu yang datang dengan pelbagai jenis. (10) Sesuatu yang membantu untuk menerangkan perihal penciptaan, kejadian dan unsur di bumi. (11) Tumbuhan merangkumi makanan manusia dan haiwan³. Tumbuhan yang tidak boleh dimakan menjadi perhiasan dan pakaian.

Allah menciptakan tumbuhan mempunyai pelbagai keistimewaan dan banyak memberi manfaat kepada manusia⁴. Fernando berkata dalam artikelnya bertajuk *All Facets of Plants, Their Functions and Interactions with the Environment and Other Living Organisms*, tanpa tumbuhan, hidupan di bumi tidak akan dapat bertahan. Manusia bergantung kepada tumbuhan untuk memenuhi keperluan asas manusia seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, dan ubat-ubatan. Sehingga kini, keperluan asas manusia ini berkembang pesat disebabkan oleh peningkatan populasi dunia, peningkatan pendapatan, dan pembedaan. Tumbuhan membentuk bahagian terbesar dalam diet manusia kerana kebanyakan makanan ruji setiap negara datang daripada beras dan gandum⁵. Kejadian tumbuhan di atas muka bumi ini menjadi salah satu tanda kekuasaan Allah SWT yang wajib dipelajari dan diambil iktibar daripadanya.

Kajian terhadap tumbuh-tumbuhan bukanlah sesuatu yang baharu. Menurut Saipolbarin dan Ahmad Fikri, kajian berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dalam kalangan sarjana Arab-Islam bermula seawal era penurunan kitab suci al-Quran kerana terdapat banyak ayat al-Quran yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan⁶. Kepelbagaian kajian berkaitan tumbuhan dalam al-Quran dapat menambah pengetahuan seterusnya meningkatkan pengamatan umat Islam dalam mentadabbur bukti-bukti kekuasaan Allah SWT.

Pengenalan Surah al-An'am

Surah al-An'am diturunkan di Makkah dan merupakan surah ke 6 dalam susunan mushaf al-Quran. Surah ini juga mengandungi 165 ayat. Surah ini dinamakan al-An'am kerana terdapat perkataan al-An'am pada ayat 136 dan ayat

³ Fakhri al-Din al-Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al-Hasan bin al-Husin (1999). *Tafsir Mafatihul Ghayb*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabiyy, 180.

⁴ Mohamed, Siti Nurwanis & Najihah Mohd Hashim (2020). "Elemen Keindahan Dalam Tumbuhan Menurut Al-Quran Dan Al-Hadith: Satu Tinjauan Awal". *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 5(2), 1-10.

⁵ W.G Dilanta Fernando 2012. "Plants: An International Scientific Open Access Journal to Publish All Facets of Plants, Their Functions and Interactions with the Environment and Other Living Organisms". *Plant 1*(1), 1-5.

⁶ Ramli, Saipolbari, & Ahmad Fikri Husin (2015). "Kajian Sejarah Terhadap Tumbuh-Tumbuhan Dalam Al-Quran Al-Karim: Satu Tinjauan". *Journal of Al-Tamaddun* 10(2), 17-34.

138⁷. Surah ini juga merupakan surah Makiyyah pertama menurut turutan mushaf yang digolongkan sebagai 'السبع الطوال' (tujuh surah yang panjang) yang terdiri daripadanya surah al-Baqarah, al-Nisa', al-A'raf, al-An'am, al-Maidah dan surah Yunus⁸.

Tema utama surah al-An'am menunjukkan kepada bukti-bukti kekuasaan Allah SWT di alam semesta⁹. Menurut *Tafsir Mafatihul Ghayb*, terdapat lima bukti kekuasaan Allah pada ayat-ayat 95 hingga 99 iaitu¹⁰: (1) Biji benih tumbuhan dan buah-buahan. (2) Perubahan siang dan malam. (3) Bintang sebagai panduan pelayar di waktu malam. (4) Proses penciptaan manusia daripada Nabi Adam AS. (5) Penurunan hujan daripada langit dan keluar daripadanya pelbagai tumbuhan. Pada kajian ini, pengkaji memfokuskan kajian terhadap surah al-An'am ayat 99 yang berkisarkan penurunan hujan daripada langit dan keluar daripadanya pelbagai tumbuhan dengan pelbagai manfaat antaranya sebagai sumber utama makanan.

Tafsir Mafatihul Ghayb

Tafsir Mafatihul Ghayb merupakan kitab tafsir karya Imam Fakhr Al Din Al Razi. Nama lengkapnya ialah Muhammad bin Umar bin Husayn bin Hasan bin Ali Fakhr al-Din al- Rāzi Abu Abdullah al-Qurashi al-Taymi al Bakri al-Tabrastani. Beliau lahir di Rayy yang terletak di tenggara Tehran. Walaupun beliau lahir di Rayy, Fakhr al-Din al-Razi ialah orang Arab yang lahir pada bulan Ramadan 544H/Januari tahun 1150. Beliau mendapat pelbagai gelaran kerana pengetahuannya yang sangat luas. Antara gelaran kepada Muhammd bin Umar ialah Fakhr al-Din al- Rāzi (kebanggaan agama dari Rayy)¹¹.

Sepanjang hidupnya, Imam Fakhr Al Din Al Rāzi telah menulis berbagai macam karya dari pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu tafsir, ilmu kalam, falsafah, mantiq, fiqh, usul fiqh, ilmu kesihatan, matematik dan astronomi. Di antara karyanya yang dikenali dalam bidang tafsir ialah *Tafsir Mafatihul Ghayb*¹². Kitab tafsir ini mempunyai tiga nama iaitu *tafsir al-kabir*, *tafsir al- Rāzi* dan *Tafsir Mafatihul Ghayb*.

⁷ Al-Zuhaily, Wahbah bin Mustafa (1997). *Al Tafsir Al Munir Fi Al Aqidah wa Al Syariah wa Al Manhaj*. Damsyiq: Dar al Fikr al Maasir, 126.

⁸ Syaari Ab Rahman (2020). *Kompas 114*. Kajang: Paradigma Ibrah Sdn. Bhd, 32.

⁹ Al-Zuhaily, Wahbah bin Mustafa (1997). *Al Tafsir Al Munir Fi Al Aqidah wa Al Syariah wa Al Manhaj*. Damsyiq: Dar al Fikr al Maasir, 302.

¹⁰ Fakhr al Din al Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Tafsir Mafatihul Ghayb*, 71-82.

¹¹ Adnin Armas (2020). *Fakhr al-Din al-Razi: Biografi Ulama Ensiklopedis*. Indonesia: Nala Publishing House, 8-9.

¹² Jamal, Khairunnas, Najamuddin Siraj Harahap, & Derhana Bulan Dalimunthe (2020). "Warna Dalam Al-Quran Perspektif Fakhr Al-Din Al-Razi". *Aqlam: Journal of Islam and Plurality* 5(2), 152-170.

Penamaan kitab *tafsir al-kabir* didasarkan pada kebesarannya, sedangkan nama al-Rāzi disandarkan pada julukan pengarangnya dan *mafatihul ghayb* diilhami oleh sebuah istilah dalam al-Quran pada surah al-An'am ayat 59:

قَالَ تَعَالَى: ﴿وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ...﴾ (٥٩)

Maksudnya: *Dan kunci-kunci semua yang ghaib ada pada-Nya. Tidak ada yang mengetahui selain Dia...* (Al-Quran: Al-Anaam.59)

Menurut sejarah, tafsir ini disusun oleh al- Rāzi setelah menguasai berbagai disiplin ilmu. *Tafsir Mafatihul Ghayb* bercorak ra'yi (rasional), falsafah, sains, teologi dan fiqh.

2. METODOLOGI


Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan menerusi pengumpulan data melalui kajian kepustakaan sementara analisis kajian ini adalah memfokuskan kepada ayat 99 surah al-An'am dengan merujuk kepada *Tafsir Mafatihul Ghayb* karya Fakhr ad Din al-Razi. Data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik untuk mengenal pasti tema-tema yang berkaitan. Di samping itu, beberapa sumber lain yang berkaitan dengan makanan berasaskan sumber tumbuhan seperti artikel-artikel kesihatan turut dirujuk untuk menyokong kajian ini.

3. HASIL DAN PERBINCANGAN

Firman Allah SWT:

قَالَ تَعَالَى: ﴿وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرَجُ مِنْهُ حَبًّا مَاتِرًا كَبَابًا وَمِنَ النَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ ۗ أَنْظِرُوا إِلَىٰ تَمْرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ﴾ (٩٩)

Maksudnya: *Dan Dialah yang menurunkan air dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau itu butir yang banyak; dan dari mayang kurma, mengurai tangkai-tangkai yang menjulai, dan kebun-kebun anggur, dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Perhatikanlah buahnya pada waktu berbuah dan menjadi masak. Sungguh, pada demikian itu tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman.* (Al-Quran: Al-An'am,99)



Rajah 1: Tema Ayat 99 Surah al-An'am Berkaitan Konsep Makanan Berasaskan Tumbuhan

3.1 Tumbuhan Berasal Daripada Air

Imam al-Razi dalam tafsirnya menjelaskan bahawa asal usul tumbuhan adalah daripada air. Firman Allah SWT: 'وهو الذي أنزل من السماء ماء' menunjukkan disebalik turunnya air hujan terdapat proses yang dinamakan sebagai proses presipitasi. Proses presipitasi ialah proses yang bermula daripada wap yang naik daripada tanah ke ruang udara yang lebih sejuk sehingga wap tersebut berkumpul dan air itu turun disebabkan suhu yang sejuk¹³. Proses presipitasi ini dijelaskan juga dalam surah al-Baqarah ayat 22.

Pada ayat 'فأخرجنا به نبات كل شيء' menunjukkan bahawa daripada proses presipitasi, Allah SWT mengeluarkan tumbuhan. Menurut Al Farra', istilah 'كل شيء' disini merujuk kepada tumbuhan sementara al-Razi 'كل شيء' tidak merujuk kepada tumbuhan sahaja kerana pada hakikatnya, penciptaan semua jenis haiwan (makhluq

¹³ Muhammad Irfan, Wijaya Mardiansyah, & Yudi Alhadi (2005). "Analisis Terhadap Korelasi Antara Jumlah Curah Hujan dan Temperatur Udara". *Jurnal Penelitian Sains*, 17, 35-41.

hidup) adalah daripada air¹⁴. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 45¹⁵:

﴿قَالَ تَعَالَى: ﴿وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّن مَّاءٍ...﴾﴾

Maksudnya: *Dan Allah menciptakan haiwan-haiwan yang bergerak itu daripada air...* (Al-Quran: Al-Nur,45)

Air merupakan keperluan asas yang penting kepada pokok, manusia dan semua makhluk hidup di bumi¹⁶. Menurut Ahlam Suskha, Rusydi AM dan Urwatul Wusqa, manfaat air kepada tumbuhan juga disifatkan sebagai *ahya'* (menghidupkan). Manakala menurut perspektif sains, air mempunyai pelbagai fungsi bagi tumbuhan. Antaranya sebagai penyusun utama protoplasma dan menjadi pelarut bagi zat hara (mineral yang diperlukan dalam proses fotosintesis) yang diperlukan tumbuhan. Oleh itu, air menjadi unsur yang amat penting dalam proses kejadian dan tumbesaran tumbuhan¹⁷ dan sekaligus menjadi unsur yang penting dalam membekalkan sumber makanan berasaskan tumbuhan kepada manusia.

3.2 Elemen Kehijauan Tumbuhan Berdasarkan Kalimah 'خضر'

'الخضر' pada ayat ini membawa maksud tanaman yang hijau. Walau bagaimanapun Al-Razi dalam tafsirnya telah menukilkan beberapa definisi bagi kalimah 'خضر' daripada ahli tafsir yang lain. Antaranya, pandangan al-Laith yang menjelaskan maksud 'الخضر' dalam ayat ini ialah tanaman 'الزرع' (tanaman). Dalam erti kata lain setiap tumbuhan (نبات) itu ialah 'الخضر'. Menurut Ibnu Abbas, yang dimaksudkan dengan 'الخضر' merujuk kepada tumbuhan hijau bertangkai yang mengandungi bijirin seperti gandum, barli, jagung dan padi berdasarkan ayat¹⁸.

Begitu juga pandangan Sayid Qutub dalam *Tafsir Fī Zilāl Al-Quran* yang menjelaskan bahawa segala tumbuhan adalah bermula dengan warna hijau. Penggunaan kalimah 'خضر' (keadaan yang menghijau) lebih menjelaskan keadaan tumbuhan yang menghijau dari perkataan 'أخضر' (hijau). Tumbuhan yang menghijau itu mengeluarkan

¹⁴ Fakhr al Din al Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Tafsir Mafatihul Ghayb*, 84.

¹⁵ Rusdi, M. Nordin, S. R. A., Borham, A.S., Othman, H. Khalid, H.M., & Rahim, M. H. A (2017). *Flora dan Fauna dalam al-Quran dan Al-Hadis*. Batu Pahat: Pendayaupayaan Bahasa, Agama dan Transformasi Masyarakat, 57-80.

¹⁶ Imamudin, Mochama (2012). "Peranan Air dalam Perspektif Al-Quran (Air Sebagai Sumber Kehidupan)." *El-Hayah: Jurnal Biologi* 3(1), 41-45.

¹⁷ Suskha, Ahlam, A. M. Rusydi, & Urwatul Wusqa (2020). "Manfaat Air Bagi Tumbuhan: Perspektif Al-Quran dan Sains." *AL QUDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis* 4(2), 447-466.

¹⁸ Fakhr al Din al Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Tafsir Mafatihul Ghayb*, 84-85.

butir-butir yang tersusun rapi seperti tangkai butir-butir padi atau sebagainya, dan dari mayang-mayang kurma, Allah SWT keluarkannya tandan-tandan yang rapat¹⁹.


Pengkaji mendapati bahawa pentafsiran Sayyid Qutub dalam mentafsirkan istilah 'الخضر' lebih terperinci berbanding al-Razi. Kesimpulannya, berdasarkan makna-makna 'الخضر' yang telah dikumpulkan, tumbuhan yang menghijau lebih merujuk kepada tumbuhan yang keluar daripada satu pucuk dan daripadanya keluar bijirin yang banyak seperti padi dan gandum. Tumbuhan yang menghijau ini amat sinonim dengan sumber makanan ruji harian bagi sesuatu tempat. 'الخضر' merujuk kepada tanaman yang menjadi makanan ruji. Allah SWT mendahulukan 'الزرع' sebelum 'النخل' (kurma) dan ini menunjukkan tanaman 'الزرع' lebih baik daripada 'النخل' kerana 'الزرع' dikategorikan sebagai gizi makanan manakala 'النخل' merujuk kepada pokok buah-buahan.

Dalam ilmu sains, kehijauan tumbuhan ini juga digelar zat hijau daun (klorofil) berdasarkan kajian Nasihin dan Sirajun. Klorofil atau zat hijau daun adalah pigmen yang dimiliki oleh berbagai organisma dan menjadi salah satu molekul yang penting dalam proses fotosintesis. Zat inilah yang memberi warna hijau pada daun tumbuhan hijau dan alga hijau serta berbagai alga yang lain. Dalam dunia kesihatan moden, klorofil telah dijadikan sebagai suplemen untuk meningkatkan kesihatan dan kekebalan tubuh terhadap penyakit sehingga boleh diproduksi dan diperdagangkan untuk urusan jual beli di berbagai negara sehingga menjadi sumber pendapatan yang dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk dunia yang memiliki kreativiti dan ilmu pengetahuan untuk mengembangkannya.²⁰

¹⁹ Sayyid Qutub, Ibrahim Husin Al-Syaribi (1991). *Tafsīr Fī Zilāl Al-Quran*. Kaherah: Dar Al-Syuruq, 1161.

²⁰ Nasihin, Sirajun (2021). "Menghayati Mukjizat Ilahi (Fakta Ilmiah Kemukjizatan Al-Quran dan Al-Sunnah pada Tumbuhan)". *PANDAWA* 3(1), 188-200.

3.3 Hierarki Makanan Berasaskan Tumbuhan








Rajah 2: Hierarki Makanan Berasaskan Tumbuhan Berdasarkan Surah al-An'am ayat 99 Menurut Imam al-Razi

Pada ayat 95 surah al-An'am, al-Razi telah mengkategorikan tumbuh-tumbuhan kepada dua iaitu 'الحب' dan 'النوى'. 'الحب' bermaksud tumbuhan yang berbutir seperti gandum, barli dan jenis-jenis yang seumpamanya. 'النوى' bermaksud biji yang ada dalam buah-buahan seperti biji pic, biji kurma dan lain-lain²¹. Tumbuhan yang datang daripada 'الحب' disebut 'الزرع' manakala tumbuhan yang datang daripada 'النوى' disebut 'الشجر'²².

²¹ Fakhr al Din al Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Tafsir Mafatihul Ghayb*, 71.

²² Ibid, 84.

Contoh Tumbuhan 'الحب'	Contoh Tumbuhan 'التوى'
 <p>Gandum</p>	 <p>Kurma</p>
 <p>Barli</p>	 <p>Pic</p>
 <p>Padi</p>	

Rajah 3: Pembahagian Contoh 'الحب' dan 'التوى' Menurut Tafsir Mafatihul Ghayb

Pada ayat 99 pula, al-Razi menghuraikan ayat ini berdasarkan keutamaan jenis tanaman dalam kehidupan manusia. Dalam tafsir ini, Al-Razi menghuraikan justifikasi faktor susunan Allah SWT menyebut nama-nama tumbuhan ini iaitu Allah SWT menyebutnya mengikut keutamaan makanan manusia yang bermula daripada makanan utama dan disusuli dengan tumbuhan-tumbuhan yang memberikan khasiat sampingan dalam membekalkan nutrien kepada manusia. Hal ini juga dipersetujui Imam Wahbah al-Zuhaily(1997) dalam tafsirnya *Al Tafsir Al Munir Fi Al Aqidah wa Al Syariah wa Al Manhaj* dengan mengatakan bahawa penyebutan tanaman didahulukan daripada pepohonan sebab tanaman adalah makanan, dan buah dari pohon adalah buah-buahan yang dimakan. Makanan asas didahulukan daripada buah-buahan. Kalimah kurma didahulukan daripada semua buah kerana ia adalah makanan asas bagi orang Arab. Anggur disebutkan setelah kurma kerana anggur ialah buah-buahan yang paling baik kerana boleh dimanfaatkan sejak keadannya masam, kemudian menjadi kemerahan, lalu menjadi anggur. Setelah itu, anggur itu disimpan sebagai anggur kering selama setahun kemudian menjadi sirap dan cuka. Allah SWT menyebut beberapa jenis pokok mengikut aturan dari sudut manfaatnya seperti berikut²³:

²³ Fakhr al Din al Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Tafsir Mafatihul Ghayb*, 86.

1) النخل (kurma)

Buah kurma merupakan buah yang banyak disebut di dalam al-Quran²⁴. Menurut *Tafsīr Mafātihul Ghayb*, Allah SWT menyebutkan beberapa buah-buahan dalam ayat ini yang didahului dengan buah kurma kerana kurma antara sumber makanan masyarakat Arab. Berdasarkan pentafsiran ini, pengkaji mendapati bahawa al-Razi telah mengutamakan sumber makanan asasi sebagai jenis tumbuhan yang paling baik untuk nutrien berbanding dengan tumbuhan yang tidak menjadi makanan asasi. berpendapat tumbuhan yang menjadi sumber makanan asasi adalah lebih baik dan lebih diutamakan berbanding tumbuhan yang tidak menjadi makanan asasi. Ahli-ahli hikmah juga berpendapat pokok kurma mempunyai ciri-ciri khas yang sama dengan makhluk hidup yang lain berbanding kebanyakan tumbuhan yang lain.

2) العنب (anggur)

Menurut *Tafsīr Mafātihul Ghayb*, Allah SWT menyebut 'العنب' (anggur) dalam ayat ini kerana anggur ialah sebaik-baik buah yang mempunyai pelbagai manfaat seperti mudah dihadam dan lazat dimakan. Anggur juga menjadi makanan bagi orang yang sihat dan yang sakit. Air yang diperbuat daripada anggur masam dapat memberi manfaat kepada pesakit kuning. Anggur boleh disimpan dalam tempoh masa yang lama. Buah anggur juga boleh digunakan dalam empat jenis makanan iaitu sebagai anggur kering, sirap, arak dan cuka. Keempat-empat jenis makanan ini mempunyai pelbagai manfaat namun arak telah diharamkan oleh syara' kerana kemudaratannya lebih besar daripada manfaatnya. Pengamal perubatan juga mengambil manfaat anggur sebagai penawar untuk perut yang lemah. Dengan manfaat-manfaat ini, anggur digelar sebagai raja buah.

3) الزيتون (zaitun)

Menurut *Tafsīr Mafātihul Ghayb* zaitun disebut sebagai antara buah yang memberi manfaat yang banyak kerana ia boleh dimakan begitu sahaja dan minyaknya juga mempunyai pelbagai khasiat dan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan. Khasiat zaitun ini dijelaskan lagi pada surah an-Nahl ayat 11. Berdasarkan pentafsiran dalam *Tafsīr Mafātihul Ghayb*, al-Razi berpendapat antara manfaat minyak zaitun ialah dapat digunakan sebagai lauk dan pencicah selain dapat dijadikan bahan bakar lampu pelita²⁵. Hal ini juga disebut dalam *Tafsīr al-Qurtubī* dalam menafsirkan surah al-Nur ayat 35²⁶ serta dinyatakan pendapat Ibnu Abbas dalam tafsir ini bahawa tiada satu bahagian dalam pohon zaitun ini yang tidak berguna. Bahkan, abunya boleh digunakan untuk mencuci sutera.

²⁴ Ahmad, Wan Esa Wan, dan Hamdi Ishak (2021). "Prinsip Pemahaman dan Pengamalan Makanan Sunnah". *Al Turath Journal of Al-Quran And Al-Sunnah* 6(1), 56-68.

²⁵ Fakhr al Din al Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Tafsīr Mafatihul Ghayb*, 181.

²⁶ Al Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad (1964). *Tafsīr al-Qurtubī*. Kaherah: Dar al-Kutub, 258.

4) الرمان (delima)

Menurut *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*, Allah SWT menciptakan delima dengan keadaan yang ajaib. Komposisi delima itu sendiri terdiri daripada empat bahagian iaitu kulit, minyak, kerangka dan air. Tiga yang pertama itu disifatkan sejuk dan tebal manakala air bertentangan dengan sifat-sifat ini. Air delima disifatkan sebagai air yang paling lazat, paling lembut, sesuai dengan persekitaran yang sederhana dan boleh memberi tenaga. Selain daripada boleh menjadi makanan, delima juga boleh dijadikan penawar untuk penyakit.

3.4 Kategori Tumbuhan Berdasarkan Sifat 'مشتبهها وغير متشابهه' (serupa dan tidak serupa)²⁷

Dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*, 'مشتبهها' membawa kepada beberapa makna:

- Terdapat buah-buahan yang serupa dari sudut warna dan bentuknya tetapi berbeza rasa dan kelazatannya. Terdapat juga buah-buahan yang berbeza warna dan bentuknya tetapi serupa dari sudut rasa dan kelazatannya. Anggur dan delima serupa dari sudut warna dan bentuknya tetapi berbeza dari sudut kemanisan dan kemasamannya.
- Kebanyakan buah yang mempunyai kulit dan biji mempunyai persamaan dari sudut rasa dan ciri-ciri khasnya manakala buah-buahan yang mempunyai isi dan lembab mempunyai rasa yang berbeza.
- Qatadah berkata: daun pokoknya hampir sama tetapi buahnya berbeza. Sebahagian yang lain berkata: pokoknya serupa tetapi buahnya berbeza. Pendefinisian ini juga dinukilkan oleh Imam al-Syaukani dalam *Tafsīr Fathul Qadīr*²⁸ dan Imam al-Thabari dalam *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*²⁹.
- Jika diambil satu gugusan anggur, maka dapat dilihat dalam satu gugus itu ada yang sudah masak dan rasanya manis manakala ada sebahagian lain yang masih hijau dan rasanya masam. Dan ini yang dimaksudkan dengan serupa dan tidak serupa.

3.5 Fasa Kematangan Buah (fruit ripening)

Menurut *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*, ayat 'انظروا إلى ثمره إذا أثمر وينعه' menunjukkan fasa kematangan buah-buahan. Allah SWT memerintahkan hamba-hambanya agar melihat kepada proses pada awal kejadiannya dan melihat keadaannya ketika buahnya sempurna (matang) kerana buah-buahan dan bunga-bunga ini mempunyai sifat-sifat yang istimewa dan tersendiri pada awal kejadiannya dan ketika ia sudah matang.

^{27 27} Fakhr al Din al Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Tafsīr Mafatihul Ghayb*, 86-87.

²⁸ Al Syaukani, Muhammad bin Ali (1993). *Tafsīr Fathul Qadīr*. Damsyiq: Dar Ibn Kathir, 167.

²⁹ Al Tabari, Muhammad bin Jarir (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Muassasah al-Risalah, 578.

Contohnya, buah yang pada awalnya berwarna kehijauan berubah menjadi warna kehitaman atau kemerahan. Selain itu, ada juga yang pada mulanya bersifat kemasaman berubah menjadi manis dan ada yang pada mulanya bersifat sejuk berubah menjadi panas secara semulajadi.

Pada masa kini, perubahan keadaan buah dipanggil proses kematangan buah (*fruit ripening*). *Fruit ripening* merujuk kepada perubahan yang berlaku semasa peringkat awal penuaan buah-buahan yang menjadikannya sesuai untuk dimakan (atau boleh dimakan). Perubahan tersebut biasanya termasuklah perubahan warna, tekstur, rasa dan aroma buah³⁰.

Kesemua perubahan ini wajib disandarkan kepada Dia Yang Maha Berkuasa dan Yang Maha Bijaksana mentadbir alam ini dengan penuh rahmat dan hikmah yang tersendiri³¹.

3.6 Allah SWT Pencipta Alam Tumbuhan

Ayat ini menunjukkan kesempurnaan kekuasaan Allah SWT dari sudut ilmu-Nya, hikmah-Nya, kasih sayang-Nya, dan belas kasihan terhadap makhluk ciptaan-Nya sebagai bukti kepada hamba-Nya untuk berada di jalan kebenaran³². Segala kejadian tumbuhan sebagai sumber makanan manusia ini menjadi tanda-tanda bahawa alam ini ada yang mengendalikannya. Teratur dengan begitu rapi sekali kerana ada Allah Yang Maha Mengatur setiap makhluk. Segala yang terjadi ini tidak berlaku secara kebetulan dan setiap bentuk kejadian tumbuhan ini sesuai dengan tugas semula jadi masing-masing³³.

4. KESIMPULAN

Pentafsiran ayat mengenai tumbuhan daripada surah al-An'am berdasarkan *Tafsir Mafatihul Ghayb* yang dikarang oleh Imam al-Razi (w606H) banyak menjelaskan secara terperinci mengenai tumbuhan beberapa tema utama telah dikenalpasti antaranya berkaitan dengan asal usul tumbuhan, keadaan, fasa dan proses tumbesaran dan perubahan pada tumbuhan, manfaat daripada setiap jenis tumbuhan bagi kelestarian kehidupan alam dan manusia dan selainnya. Dapatan kajian ini juga menegaskan tentang bukti kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT dalam mentadbir alam ini dengan penuh rahmat, adil dan berhikmah. Justeru, menjadi satu tanggungjawab setiap muslim agar meneroka dan menghayati ciptaan Allah SWT ini

³⁰ Jain, V.K. (2017). *Fundamentals of plant physiology*. S. Chand Publishing.

³¹ Fakhr al Din al Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Tafsir Mafatihul Ghayb*, 87-88.

³² Fakhr al Din al Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Tafsir Mafatihul Ghayb*, 82

³³ Mohamed, Siti Nurwanis (2020). "Elemen Keseimbangan Dalam Tumbuhan Menurut al-Quran: Satu Tinjauan Awal." *Sains Insani* 5(1), 48-56.

dalam usaha untuk meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kepada-Nya. Selain itu, keindahan tumbuhan yang diciptakan Allah ini perlu dipelihara agar dapat memastikan kemandirian hidup semua makhluk di bumi. Ini kerana tumbuhan adalah salah satu sumber utama makanan bagi semua hidupan. Seiring dengan kepentingan menjaga tumbuhan ini, kesedaran semua pihak perlu dititikberatkan bagi merealisasikan harapan kerajaan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litup hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara.

5. PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran FRGS- FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/5 - Pendekatan Baharu Dalam Penjagaan Kesihatan Berasaskan Nutrigenomik Menurut Perspektif Quran, Sunnah Dan Manuskrip Perubatan.

RUJUKAN

- [1] Al-Quran
- [2] Adnin Armas (2020). *Fakhr al-Din al-Razi: Biografi Ulama Ensiklopedis*. Indonesia: Nala Publishing House.
- [3] Ahmad, Wan Esa Wan, dan Hamdi Ishak (2021). Prinsip Pemahaman dan Pengamalan Makanan Sunnah. *Al Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*. 6(1), 56-68.
- [4] Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad (1964). *Tafsir al-Qurtubī*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyah.
- [5] Al-Syaukani, Muhammad bin Ali (1993). *Fathul Qādir*. Damsyiq: Dar Ibn Kathir.
- [6] Al-Tabari, Muhammad bin Jarir (2000). *Jami' al-Bayān fī Ta'wil al-Quran*. Muassasah al-Risalah.
- [7] Al-Zuhaily, Wahbah bin Mustafa (1997). *Al Tafsir Al Munir Fi Al Aqidah wa Al Syariah wa Al Manhaj*. Damsyiq: Dar al Fikr al Maasir.
- [8] Fakhr al-Din al-Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Mafatihul Ghayb*. Beirut: Dar el Ihya' al Turath al Arabiy.

- [9] Imamudin, Mochama (2012). Peranan Air dalam Perspektif Al-Quran (Air Sebagai Sumber Kehidupan). *El-Hayah: Jurnal Biologi* 3(1), 41-45.
- [10] Jamal, Khairunnas, Najamuddin Siraj Harahap, dan Derhana Bulan Dalimunthe (2020). Warna Dalam Al-Quran Perspektif Fakhr Al-Din Al-Razi. *Aqlam: Journal of Islam and Plurality* 5(2), 152-170.
- [11] Jawahir Muhammad Surur Saad (1998). Al-Nabatat Fi Dhau' al-Quran wa al-Sunnah an-Nabawiyah al-Mutahharah. (PhD Tesis).
- [12] Jain, V.K. (2017). *Fundamentals of plant physiology*. S. Chand Publishing.
- [13] Mohamed, Siti Nurwanis, dan Najihah Mohd Hashim (2020). Elemen Keindahan Dalam Tumbuhan Menurut Al-Quran Dan Al-Hadith: Satu Tinjauan Awal. *Al Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah* 5(2), 1-10.
- [14] Mohamed, Siti Nurwanis (2020). Elemen Keseimbangan Dalam Tumbuhan Menurut al-Quran: Satu Tinjauan Awal. *Sains Insani* 5(1), 48-56.
- [15] Ramli, Saipolbari, dan Ahmad Fikri Husin (2015). Kajian Sejarah Terhadap Tumbuh-Tumbuhan Dalam Al-Quran Al-Karim: Satu Tinjauan. *Journal of Al-Tamaddun* 10(2), 17-34.
- [16] Rusdi, M. Nordin, S. R. A., Borham, A.S., Othman, H. Khalid, H.M., dan Rahim, M. H. A. (2017). *Flora dan Fauna dalam al-Quran dan Al-Hadis*. Batu Pahat: Pendaupayaan Bahasa, Agama dan Transformasi Masyarakat.
- [17] Sayyid Qutub, Ibrahim Husin Al-Syaribi (1991). *Tafsir Fī Zilāl Al-Quran*. Kaherah: Dar Al-Syuruq, Beirut Kaherah.
- [18] Suskha, Ahlam, A. M. Rusydi, dan Urwatul Wusqa (2020). Manfaat Air Bagi Tumbuhan: Perspektif Al-Quran dan Sains. *AL QUDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis* 4(2), 447-467.
- [19] Syaari Ab Rahman (2020). *Kompas 114*. Kajang: Paradigma Ibrah Sdn. Bhd.
- [20] Syukri Ibrahim Saud (2010). *Al-Nabatat Al-Zuhriyah (Nasya'tuha, Tatawwuriha, Tashnifiha)*. Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- [21] W.G Dilanta Fernando (2012). Plants: An International Scientific Open Access Journal to Publish All Facets of Plants, Their Functions and Interactions with the Environment and Other Living Organisms. *Plant* 1(1), 1-5.